misteri etnik

B/H 15/5/2011 4.

AZRUL AFFANDI
azr@bharian.com.my

Lain.. kami lain daripada orang India. Kami lebih dekat dengan orang Bangla tetapi agama pula berbeza. Orang Bangladesh ramainya Islam, kami Hindu tetapi cara hidup dan budaya kami hampir sama seperti mereka. Mungkin sukar untuk orang ramai mengenali kami kerana sukar mencari perbezaan itu, apatah lagi jumlah masyarakat kami begitu sedikit"

Prodeep Kumar Roy
Presiden Persatuan Bengalee Malaysia

SIRI 1

KELIBAT lelaki India memakai lilitan kepala dengan jambang lebat, bukan suatu yang asing di negara ini. Mereka dikenali sebagai Singh tetapi ramai juga memanggil mereka Benggali. Malah, istilah Benggali itu seakan sudah sebati dengan mereka.

Hakikatnya, tidak ramai yang tahu gelaran Benggali itu tiada kaitan langsung dengan masyarakat Sikh itu yang berasal dari Punjab. Malah, realitinya masyarakat Benggali (sebenarnya Bengalee) tidak pernah memakai lilitan kepala dan tiada langsung kaitan darah dengan penganut agama Sikh itu!

Punjab berasal dari utara India, pernah berkongsi tanah masyarakat Punjab yang berlaku lebih awal daripada penghijrahan orang Bengalee ke negara ini yang melalui pelabuhan di Benggala. Dikatakan, orang Punjab berkumpul di Benggala dan menaiki kapal dari pelabuhan itu sebelum ke negara ini.

Setibanya mereka di negara ini, tentulah antara pertanyaan awal diajukan penduduk Tanah Melayu ialah dari mana mereka datang. Akibat masalah bahasa, mereka sekadar memberitahu mereka datang dari Benggala, merujuk kepada pelabuhan di mana mereka berkumpul sebelum ke sini. Justeru, bagi orang tempatan, mereka terus memanggil mereka Bengalee atau Benggali kerana beranggapan mereka dari Benggala, sedangkan mereka sebenarnya dari Punjab.

jajahan dengan Pakistan sebelum berpisah, manakala Bengalee pula berasal dari Benggala yang terletak di bahagian timur laut Asia Selatan berhampiran Nepal. Kini, negeri itu sudah terbahagi dua iaitu Benggala Timur yang menjadi negara merdeka Bangladesh dan Benggala Barat, satu wilayah besar di India dengan Kolkata (dulu Calcutta) sebagai ibu negerinya.

Cuma, sejak sekian lama, malah mungkin lebih seabad lamanya, ramai penduduk masih terkeliru dengan status dan imej dua masyarakat ini. Bagi kita, secara mudahnya ialah terus melabelkan seseorang sebagai Benggali dengan hanya melihat lelaki itu memakai serban.

Tidak pula kita ketahui bahawa sebenarnya kita sudah terlalu silap membuat tafsiran. Punjab dan Benggala bukan dekat, malah langsung tiada persamaan. Orang Punjab majoritinya beragama Sikh, manakala orang Bengalee beragama Hindu dan ada sebahagiannya beragama Islam di Bangladesh.

Salah tafsiran ini disebabkan sejarah kemasukan Bengalee juga sememangnya satu masyarakat baru di negara ini. Jumlah mereka juga kecil iaitu tidak sampai 300 keluarga dengan kebanyakannya tertumpu di Negeri Sembilan dan Lembah Klang. Sukar untuk mengenali mereka kerana secara fizikalnya, mereka sama seperti orang India lain, namun jika diperincikan mereka unik dan ada cara hidup mereka sendiri.

Sebenarnya, meskipun masyarakat berbahasa Benggali ini terlalu kecil, mereka mempunyai ramai saudara dengan darah keturunan sama dalam negara ini serta turut menggunakan bahasa yang sama. Tentu ramai tidak sedar sebenarnya orang Bangla dari Bangladesh adalah berketurunan yang sama dengan Bengalee.

Sejarah India sendiri pernah mencatatkan Bangladesh adalah zon dalam India sebelum mencapai kemerdekaan dan membentuk negara sendiri pada 26 Mac 1971. Malah, difahamkan majoriti orang Bengalee di negara ini berpunca dari Bangladesh yang dulu dikenali sebagai

BENGGALEE BUKAN SIKH

Etnik banyak tertumpu di Negeri Sembilan, Lembah Klang berasal dari Benggala

B/H 15/5/2011 5

Kelas nyanyian untuk orang Benggalee di Damansara Utama.

Kain dan sari digunakan untuk tarian Benggalee.

Benggala Timur. Ketika berlaku pergolakan di wilayah itu, masyarakat Bengalee beragama Hindu mengambil keputusan untuk lari dan tinggal di Benggala Barat. Namun, ketika ditanya kepada kebanyakan orang Benggali di sini, mereka tidak segan silu mengiyakan bahawa mereka sebenarnya serumpun dengan orang 'Bangla.'

Meskipun orang Bengalee dan Bangla adalah sama, terdapat perbezaan ketara taraf hidup mereka di negara ini. Orang Bangla lebih dikenali sebagai pekerja asing yang berfokus kepada sektor perkhidmatan dengan kebanyakannya menjadi buruh, sama ada pekerja binaan dan pekerja am.

Berbeza dengan orang Bengalee kerana majoriti mereka berkerjaya sebagai profesional dalam pelbagai bidang. Malah, boleh dikatakan tiada seorang pun orang Bengalee di negara ini menjadi buruh atau pekerja biasa. Paling kurang, mereka bekerja dalam bidang pentadbiran tetapi paling ramai menjadi doktor dan peguam.

Suri rumah dalam kalangan orang Bengalee pun bukan tiada kelulusan. Hampir semua daripada mereka berkelulusan Sarjana Muda, malah ramai lagi yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dari itu.

Ia mungkin ada kaitannya dengan sejarah kemasukan mereka ke negara ini. Jika orang Punjab dibawa masuk sebagai tentera, orang Bengalee pula pada awalnya dibawa masuk untuk berkhidmat secara profesional sebagai doktor dan pegawai pentadbiran di estet sekitar Negeri Sembilan.

Tidak ada seorangpun buruh dibawa masuk ketika itu. Meskipun hanya lelaki dibawa masuk ketika itu, mereka tidak pula berkahwin dengan orang tempatan. Mereka akan pulang ke Benggala dan berkahwin di sana sebelum dibawa masuk ke Malaysia.

Disebabkan taraf pendidikan tinggi menjadi keutamaan, isteri yang dikahwini juga bukan calang-calang kelulusannya. Di sana (Benggala), pendidikan tinggi menaikkan 'saham' seseorang dan melancarkan jodohnya.

Banyak sebenarnya kelainan dan keunikan Bengalee berbanding orang India lain. Jika kebanyakan penganut Hindu di negara ini meraikan Deepavali sebagai perayaan terbesar dan paling meriah, mereka (Bengalee) pula sekadar menyambut perayaan itu dengan cara berbeza, berkumpul di pusat komuniti mereka di Port Dickson. Bagi masyarakat ini, Durga Puja adalah perayaan paling meriah dalam kalendar tahunan mereka.

Orang Bengalee juga sukakan manisan tetapi berbeza dengan orang Punjab, meskipun mereka juga menggunakan susu lembu sebagai bahan utama, kaedah penyediaannya sedikit berbeza. Paling ketara, ikan adalah menu utama masyarakat Bengalee sehinggakan dianggap sajian paling penting dan perlu ada setiap hari.

Susah sebenarnya mencari perbezaan antara Bengalee dengan orang India lain. Namun, jika diperhalusi, banyak perbezaan mereka. Bermula daripada pemakaian sari, aksesori perkahwinan, kaedah berkahwin, makanan, perayaan, cara hidup dan banyak lagi, mereka sebenarnya unik.

"Lain.. kami lain daripada orang India. Kami lebih dekat dengan orang Bangla tetapi agama pula berbeza. Orang Bangladesh ramainya Islam, kami Hindu tetapi cara hidup dan budaya kami hampir sama seperti mereka. Mungkin sukar untuk orang ramai mengenali kami kerana sukar mencari perbezaan itu, apatah lagi jumlah masyarakat kami begitu sedikit.

"Namun, disebabkan jumlah yang kecil itu, kami boleh bertemu semuanya ketika berkumpul dalam satu perayaan. Pendek kata, kami kenal semua orang Bengalee di negara ini. Hubungan kami erat dalam satu persatuan," kata Presiden Persatuan Bengalee Malaysia, Prodeep Kumar Roy.

(Bersambung esok)